



**HUBUNGAN KEFAHAMAN BACAAN PROGRAM NILAM DENGAN
PRESTASI PENCAPAIAN BAHASA MELAYU
PELAJAR TAHUN 6**

RUSUHAIZA BINTI HJ. SULAIMAN



**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**


**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2009**



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

08 April 2009



RUSUHAIZA BINTI SULAIMAN
M20071000114

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-NYA dapat juga kertas projek ini disempurnakan.

Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Encik Razali Bin Ayob selaku penyelia yang komited dan sentiasa memberi bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan teguran yang amat bernilai sehingga laporan projek penyelidikan ini dapat dihasilkan sebaik mungkin. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah yang terlibat dan telah mencurahkan ilmu yang tidak ternilai sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Semoga segala ilmu dan tunjuk ajar yang telah dicurahkan diberkati oleh Allah S.W.T.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, guru besar, guru-guru dan murid-murid yang terlibat dalam kajian ini. Buat keluarga yang tersayang, penghargaan istimewa dirakamkan kepada suami tercinta saya, Aizul Hisham Bin Zubir yang sentiasa mendorong, memberi galakan dan menguatkan azam saya untuk menyiapkan laporan ini. Buat putera-putera saya yang dikasihi, Muhammad Aiman Lukqman dan Muhammad Akmal Thaqif, terima kasih kerana kesabaran kalian. Kehadiran kalian menjadi sumber utama kegembiraan dan kebahagiaan dalam perjalanan hidup ini. Semoga kejayaan ini akan menjadi pendorong buat kalian untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang tinggi di satu masa nanti. Terima kasih juga buat ibu bapa, Hj Sulaiman dan Hj Rokiah yang sentiasa mendoakan kejayaan saya.

Akhir sekali, ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga buat keluarga dan rakan seperjuangan kerana sudi memberikan pandangan dan idea yang bernas serta sentiasa memberikan semangat untuk meningkatkan mutu hasil penyelidikan. Terima kasih segalanya dan jasa kalian tetap dikenang selama-lamanya. Semoga apa yang dititipkan akan mendapat keredhaan daripada Allah S.W.T. Sesungguhnya, segala kekurangan dan kelemahan itu datangnya daripada diri saya kerana yang sempurna itu milik Allah S.W.T sahaja.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan kefahaman bacaan program NILAM dengan prestasi pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan subjek kajian. Subjek kajian terdiri daripada 165 orang pelajar tahun 6 dari sebuah sekolah yang dipilih di Ipoh, Perak. Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data tentang kefahaman bacaan ialah satu skala yang diubahsuai dan diterjemah daripada McLain, Gridley, dan McIntosh (1991) yang dinamakan Indeks Kesedaran Bacaan untuk mengumpul data tentang prestasi kefahaman yang terdiri daripada satu ujian pemahaman dalam bentuk subjektif yang terdiri daripada 10 petikan pemahaman. Instrumen untuk mengumpul data tentang pencapaian bahasa Melayu adalah terdiri daripada satu Penilaian Kendalian Sekolah Rendah Penggal 2 (2008). Satu soal selidik juga digunakan untuk mengumpul data tentang latar belakang subjek. Kajian ini juga dianalisa menggunakan perisian "Statistical Package For Sosial Science" atau "Pakej Statistik Untuk Sains Sosial" (SPSS) versi 11.0. Dapatan kajian yang utama menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara Indeks Kesedaran Bacaan yang melibatkan kefahaman bacaan dengan skor ujian kefahaman. Selain itu, terdapat korelasi pada tahap yang baik antara skor ujian kefahaman dengan pencapaian bahasa Melayu. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Indeks Kesedaran Bacaan dengan faktor jantina, bangsa, kemahiran bahasa, dan pencapaian bahasa Melayu dalam peperiksaan di sekolah.

ABSTRACT

This study is executed to see the relationship comprehension reading program NILAM with of achievement among Malay language subject in the study. The subject of the study consisted of 165 people 6 years old student from a school that is selected in Ipoh, Perak. Instruments used to gather data about comprehension scale reading is the one who was adapted and translated which was developed by McLain, Gridley, and McIntosh (1991), called Index Reading Awareness to gather data about the achievement the ability to understand something that consists of one exam in the form of a subjective understanding the consist from 10 passage. Instruments to gather data on the achievement of Malay language is comprised of one operation School Lowest Rating of Term 2 (2008). One critical issue is also used to collect background data on the subject. This study also analyzed using program "Statistical Package for Social Science" or "Pakej Statistik Untuk Sains Sosial" (SPSS) version 11.0. As the result of an investigation a major study shows that there is a significant relationship between the Index Reading Awareness involves reading comprehension with test scores comprehension. In addition, there is a correlation in phase between the test scores with achievement comprehension Malay. The result of an investigation also shows that there is no significant relationship between the Index of Reading Awareness the factors of sex, nation, language, and achievement examination in the Malay language in schools.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Tujuan Kajian	7
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Persoalan Kajian	11
1.5	Kepentingan Kajian	12
1.6	Batasan Kajian	13
1.7	Definisi Istilah	14

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Kajian-kajian Lepas	16
2.2	Kesimpulan	27

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	29
3.2 Teori Kajian	29
3.3 Rekabentuk Kajian	31
3.4 Sampel Kajian	35
3.5 Prosedur Mengumpul Data	41
3.6 Prosedur Menganalisa Data	41

BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS DATA

4.1 Statistik Deskriptif Indeks Kefahaman Bacaan dan Ujian Pemahaman	44
4.2 Taburan pencapaian Indeks Kefahaman Bacaan	46
4.3 Taburan Markah Ujian Pemahaman	47
4.4 Taburan Prestasi Pencapaian bahasa Melayu	47
4.5 Taburan Minat Kemahiran Bahasa	48
4.6 Hubungan Indeks Kesedaran Bacaan dengan:	49
a. jantina	
b. bangsa	
c. kemahiran bahasa	
d. skor ujian kefahaman	
4.7 Korelasi Skor Ujian Kefahaman dengan Prestasi Pencapaian Bahasa Melayu	53
4.8 Korelasi Ujian Kefahaman Bacaan program NILAM dengan Prestasi Pencapaian Bahasa Melayu	54

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	56
5.2 Perbincangan tentang dapatan kajian mengikut soalan kajian	56
5.3 Kesimpulan	60
5.4 Implikasi Pedagogi	60
5.5 Cadangan Kajian Lanjut	62
5.6 Penutup	64

RUJUKAN 66**LAMPIRAN 70**

SENARAI JADUAL

Muka surat

JADUAL

Jadual 1 : Taburan Subjek Mengikut Jantina	36
Jadual 2 : Taburan Subjek Mengikut Bangsa	37
Jadual 3 : Taburan Subjek Minat Kemahiran Bahasa	37
Jadual 4 : Taburan Prestasi Pencapaian Bahasa Melayu	37
Jadual 5 : Statistik Deskriptif	45
Jadual 6 : Analisis Data Taburan Kefahaman Bacaan	46
Jadual 7 : Analisis Data Skor Ujian Kefahaman (10 Teks)	47
Jadual 8 : Analisis Data Prestasi Pencapaian Bahasa Melayu	47
Jadual 9 : Analisis Data Minat Kemahiran Bahasa	48
Jadual 10: Hubungan Kefahaman Bacaan dengan Jantina	49
Jadual 11: Hubungan Kefahaman Bacaan dengan Bangsa	50
Jadual 12: Hubungan Kefahaman Bacaan dengan Kemahiran Bahasa	51
Jadual 13: Hubungan Kefahaman Bacaan dengan Skor Ujian Pemahaman	52
Jadual 14: Kolerasi Skor Ujian Pemahaman dengan Pencapaian Bahasa Melayu	53
Jadual 15: Kolerasi Kefahaman Bacaan Program NILAM dengan Prestasi Pencapaian Bahasa Melayu.	54



SENARAI RAJAH

Muka Surat

RAJAH

Rajah 1: Carta Aliran Pelaksanaan Kajian 33

Rajah 2: Carta Rekabentuk Kajian 34





SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

LAMPIRAN

Lampiran 1:	Borang Soal Selidik	70
Lampiran 2:	Borang Kefahaman Bacaan	72
Lampiran 3:	Borang Pemarkahan Soalan Ujian Pemahaman	75
Lampiran 4:	Soalan-soalan Ujian Kefahaman (10 teks)	76
Lampiran 5:	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	96





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Masalah memahami bacaan merupakan suatu proses yang menghalang untuk memperolehi ilmu dan maklumat dengan menggunakan deria dan minda sama ada melalui bahan-bahan bercetak atau media elektronik. Deria dan minda tidak dapat dicerna dengan ilmu dari pembacaan akan menjana kehidupan manusia yang sentiasa inginkan perubahan. Ilmu tidak diperolehi untuk merangsang minat dan naluri dalam diri untuk menambah ilmu yang lain seterusnya akan terbentuk satu budaya membaca dalam kalangan pelajar. Pembaca juga tidak dapat memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya (Kamus Dewan Edisi Baru, 1991) dan padahal membaca adalah proses psikolinguistik yang berlaku apabila seseorang membentuk semula dalam pemikirannya (dengan sebaik mungkin) erti yang telah diterbitkan oleh seseorang penulis dalam bentuk tulisan yang kemudian dibaca oleh pembaca tadi (Smith, 1971).





Melalui pelbagai huraian yang telah dibuat di atas ternyata masalah membaca bukanlah hanya merupakan proses mekanikal yang melibatkan huruf semata-mata. Ia merupakan proses yang saling bertimbal balik di antara tulisan huruf dan seterusnya proses menterjemahkan penulisan serta proses permaknaan perkataan yang telah diterjemahkan tadi. Penguasaan kemahiran bacaan dan kefahaman merupakan satu aspek penguasaan yang sangat penting dalam mempertingkatkan kemahiran bahasa, membolehkan meluaskan pengetahuan, pemikiran, menyelesaikan masalah, serta menghadapi proses pembelajaran dengan lancar dan berjaya. Pelajar yang telah mempunyai kemahiran membaca dan kefahaman bacaan merupakan satu aset bernilai kerana penguasaan ini akan dapat mempertingkatkan kemahiran bahasa, membolehkan pembelajaran berlaku dengan berkesan, dan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik seseorang pelajar secara tidak langsung. Proses membaca adalah usaha berterusan yang dilakukan oleh pembaca melalui amalan kognitifnya bagi memperoleh makna teks yang dibaca. Oleh itu, membaca bukanlah satu proses yang mudah tetapi melibatkan satu siri proses yang kompleks (Zulkifley Hamid, 2006).

Di samping itu, proses membaca juga melibatkan analisis yang dilakukan oleh pembaca semasa membaca bagi mendapatkan gambaran atau idea yang terdapat dalam teks. Kemahiran memahami bacaan sebagai proses mental yang aktif dan melibatkan pengajaran mendapatkan makna daripada teks. Kesan penguasaan kefahaman bacaan pula akan membina kemahiran membentuk makna daripada bahan bacaan, mengumpul maklumat penting dan berkaitan, membuat tafsiran yang tepat, membuat inferens yang sesuai, membuat rumusan yang bernas dan menilai keutamaan idea dan perkaitannya,





menghayati bahan dan seterusnya membentuk daya berfikir dan kemampuan untuk belajar yang baik dan efektif. Kombinasi situasi ini akan membentuk seorang pelajar yang cekap, bijak, matang, dan berfikiran kritis dan kreatif. Pembentukan pelajar seperti ini juga akan menjamin kualiti, dan amatlah bersesuaian dengan matlamat dan tumpuan pendidikan di negara kita sekarang yang memberi keutamaan kepada membina kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Negara. Sehubungan itu, amatlah sesuai akan fokus penyelidikan dan pengajaran bacaan dan kefahaman pada masa kini, yang menggabungkan kemahiran berbahasa agar dapat membentuk makna dan menerapkan nilai berdasarkan maklumat dalam teks. Pengajaran secara spesifik dan terancang kaedah dan tekniknyanya akan membantu kefahaman yang lebih jelas dan ini akan berkesan dalam program NILAM (Nilai Ilmu Amalan Membaca) yang merupakan satu usaha Kementerian Pelajaran Malaysia bermula tahun 1998 untuk membina tabiat membaca dalam kalangan pelajar dengan hasrat mewujudkan masyarakat Malaysia yang cintakan budaya membaca dan budaya ilmu. Program NILAM yang merangkumi rancangan membina tabiat secara terancang dan berterusan melalui aktiviti-aktiviti galakan membaca di sekolah merupakan program penilaian pembacaan yang berterusan sepanjang tahun dan amat menitikberatkan kefahaman bacaan agar ilmu bacaan tersebut dapat membentuk pelajar dalam pembentukan modal insan yang dapat dibanggakan oleh lapisan masyarakat.

Sasaran program NILAM ini adalah untuk semua pelajar di sekolah menengah dan rendah kecuali yang belum menguasai kemahiran membaca dan status pencapaian dalam pelaksanaan program NILAM ini akan memberikan kesan yang bermakna dalam





kehidupan akan datang. Namun begitu, kefahaman bacaan dalam program NILAM jelas memperlihatkan objektif NILAM itu sendiri yang akhirnya dapat menghasilkan tokoh membaca yang berilmu dan berkebolehan yang secara tidak langsung dapat mempengaruhi rakan sebaya untuk membaca dan memahami bacaan untuk kecemerlangan akademik. Pengiktirafan yang diberikan akan membentuk semangat yakin diri dan bangga dengan kebolehan dan usaha yang dilakukan dan ini dapat memotivasikan rakan-rakan yang lain supaya sama-sama bertindak untuk menjadi insan membaca dan berilmu. Tiga elemen program NILAM, iaitu merekod, pengesahan, dan pengiktirafan. Ganjaran program ini kepada para pelajar akan dicatatkan dalam buku rekod kemajuan, dimasukkan pencapaian NILAM dalam sijil akuan sekolah serta sijil berhenti pelajar. Proses kefahaman bacaan dalam program NILAM adalah melibatkan aktiviti-aktiviti kognitif terutama yang melibatkan kesedaran metakognitif dan pembaca dianggap berperanan sebagai pemproses maklumat yang aktif dan bagi memproses maklumat secara berkesan, pembaca perlulah menggunakan keupayaan kognitif melalui proses berfikir dan merancang strategi yang sesuai ketika membaca. Pemahaman membaca bukan hanya menjawab soalan pemahaman atau memahami makna beberapa kata atau rangkai kata, tetapi melibatkan proses mendapatkan makna teks dan juga strategi yang digunakan bagi menjadikan pemahaman lebih mendalam. Guru-guru perlulah mempertingkatkan penguasaan membaca murid bagi membina makna supaya murid dapat memanfaatkan hasil pembacaan secara optimum.

Sekiranya seorang pelajar menyedari akan kemajuaan prestasi pencapaian bahasa Melayu adalah melalui kefahaman bacaan, pembelajarannya lebih efektif dan berjaya





membentuk rangkaian ilmu yang merangkumi kesedaran 'apa yang dia tahu' dan 'apa yang dia tidak tahu'. Seorang pelajar yang reflektif akan berusaha untuk mengekalkan kemajuan pembelajarannya dengan tepat bagi pencapaian matlamatnya dan berkebolehan untuk membuat penyelesaian ke atas prestasi dan tabiat belajarnya bagi merangsangkan proses pembelajaran. Keupayaan ini akan menjelaskan bahawa kefahaman bacaan memiliki kebolehan metakognitif yang membolehkan pelajar berfikir mengenai apa yang difikirkan dan mengetahui apa yang tahu dan tidak tahu. Pembelajaran untuk memperolehi kefahaman bacaan boleh dipertingkatkan melalui pengajaran secara langsung dalam strategi metakognitif yang hasil keputusannya mencadangkan pengajaran secara langsung strategi-strategi berfikir yang amat bermanfaat dan berguna dengan persekitaran yang kondusif bagi memupuk pembangunan golongan pemikir-pemikir yang baik yang terdiri daripada pelajar-pelajar sepanjang hayat. Pengajaran secara khusus dan terancang tentang strategi dan kemahiran memproses bacaan dan kefahaman didapati sangat mustahak dan berkesan kepada pelajar kerana kemahiran bacaan dan kefahaman bacaan yang baik tidak berlaku sendiri (Roehler dan Pearson, 1991).

Strategi-strategi kefahaman bacaan menjadi suatu keperluan pada abad ke-21 ini dan akan membolehkan pelajar-pelajar menangani situasi-situasi yang mencabar. Kefahaman bacaan program NILAM juga adalah bertujuan untuk mengelakkan para pelajar ketinggalan mengetahui perkembangan terkini dalam arus globalisasi. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi, memaklumkan bahawa ilmu pengetahuan yang dipelajari pada waktu itu tidak mencukupi kerana peredaran zaman dan masa mengubah pelbagai aspek kehidupan mereka. Beliau menyuarakan bahawa untuk menjadi sebuah





bangsa maju, rakyat perlu menjadikan membaca sebagai satu amalan bagi memastikan dasar Pembelajaran Sepanjang Hayat yang didukung kerajaan menjadi kenyataan.

Berdasarkan strategi dalam program NILAM, kefahaman bacaan program NILAM memerlukan guru membimbing pelajar dalam mengulas semula aktiviti-aktiviti bacaan, pengumpulan data mengenai proses berfikir dan perasaan mereka, kemudian mengklasifikasikan idea-idea yang berkaitan, dan mengenalpasti strategi-strategi berfikir yang digunakan dan akhirnya mereka menilai kejayaan yang dicapai, menolak strategi-strategi yang tidak sesuai, dan cuba mencari atau memperolehi pendekatan-pendekatan alternatif yang boleh menghasilkan harapan baik. Kebiasaanya kefahaman bacaan ini akan melibatkan tujuan membaca yang boleh membina makna dan pembelajaran kawalan sendiri dan membaca dijadikan sebagai satu proses interaksi antara pembaca, teks, dan konteks. Di samping itu, tanggungjawab pembaca adalah berperanan aktif, dan menjadi pembaca berstrategi serta berjaya membentuk pembelajaran kognitif dengan cara menggunakan unsur-unsur yang bermakna berasaskan keinginan atau motivasi. Ini menunjukkan bahawa, kefahaman bacaan program NILAM memaparkan juga ciri membaca aqliah dan erti membaca adalah memahami dan setiap pelajar adalah memainkan peranan yang aktif dan pencapaian markah bahasa Melayu akan berperanan menggambarkan keyakinan pelajar terhadap isi pelajaran.

Strategi membaca yang digunakan dalam bacaan dan kefahaman sangat berkait rapat dan berkesan dalam meningkatkan pencapaian bahasa Melayu pelajar. Di samping itu, satu aspek yang sangat penting yang boleh mempengaruhi kejayaan dalam mencapai



matlamat memahami bahan bacaan yang berkesan, cekap dan matang dalam program NILAM ialah mempunyai daya pemikiran yang baik. Memahami bahan bacaan ini juga didapati boleh membantu murid menghadapi masalah dan halangan dalam mencari idea dengan berkesan (Armbuster et. al., 1983; Baker dan Brown, 1984; Flavell, Miller, 1993; Wagoner, 1983). Para penyelidik dalam pendidikan bersetuju tentang pentingnya peranan kefahaman dalam bacaan, antaranya Baker dan Brown (1984), Coasta (1984), Flavell et.al. (1993), Marzano, Brandt, Hughes, Jones, Presseisen, Rankin, dan Suhor (1988), Nisbet dan Shucksmith (1988), Swatz dan Perkins (1990).

Secara umum, penyelidik-penyelidik ini menegaskan, penguasaan kemahiran memahami bahan bacaan dalam proses membaca, dapat mewujudkan murid yang lebih berdikari dalam pembelajaran, bermatlamat, aktif berfikir dan sentiasa mengawal prestasi pembelajaran dalam pelajaran. Ini akan membawa kepada pembentukan sahsiah intelektual yang lebih positif dan mencapai tahap pembacaan NILAM yang terbilang dan seterusnya cemerlang dalam akademik di sekolah. Ini adalah berdasarkan peranan keupayaan pemikiran yang berkesan dalam meningkatkan kefahaman bacaan, maka perlulah aspek ini diberi tumpuan dan dibuat kajian yang mendalam dalam konteks pendidikan di Malaysia.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dan penjelasan yang lebih konkrit tentang kefahaman bacaan program NILAM dengan prestasi pencapaian



bahasa Melayu. Ini akan memberikan kefahaman yang khusus untuk mengetahui peranan kefahaman bacaan program NILAM mengikut konteks situasi sebenar di sebuah sekolah rendah berdasarkan kemahiran dan pengetahuan serta pengalaman yang mereka ketahui selama ini. Melalui kajian ini, para guru boleh mendapat gambaran yang lebih jelas, cara yang sesuai dan berkesan untuk meningkatkan prestasi pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun 6 dengan meninjau keupayaan kefahaman bacaan di peringkat yang lebih khusus melalui soalan-soalan pemahaman daripada petikan-petikan bahan bacaan tertentu yang bersesuaian dengan tahap sekolah rendah. Selain itu, kajian ini juga hendak melihat sejauh mana hubungan dan perkaitan yang wujud antara kefahaman bacaan dengan prestasi pencapaian bahasa Melayu mereka sepanjang tempoh pembelajaran di tahap dua sekolah rendah.



1.3 Pernyataan Masalah

Kefahaman bacaan program NILAM adalah satu kemahiran yang sangat penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran, dan seterusnya daya intelek murid. Kepentingan dan pengaruh program NILAM ini sangat jelas dan terbukti bahawa dalam sistem pendidikan yang mementingkan murid berpengetahuan sebagai ukuran kejayaan pencapaian bahasa Melayu seseorang individu. Masalah yang dilihat adalah pelajar kurang memahami apa yang dibaca dan tahap pemahaman mereka rendah. Oleh itu, kajian ini dibuat bagi melihat hubungan kefahaman bacaan dan prestasi pencapaian bahasa Melayu di kalangan pelajar tahun 6. Murid yang bermasalah dalam memahami bacaan program NILAM akan mengalami masalah dalam prestasi pencapaian bahasa Melayu, dan ini disebabkan





keupayaan berfikir dan memahami bahan bacaan juga adalah terhad, seterusnya murid akan tercicir daripada arus pembelajaran yang berlaku di dalam kelasnya (Safiah, 1989). Justeru itu, aktiviti membaca dan memahami bahan bacaan merupakan perlakuan murid yang sangat penting untuk mendedahkan dan menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang ilmu. Membaca adalah proses yang bermula daripada membaca mengamati perkataan yang terdapat dalam teks yang dibaca sehinggalah terbentuknya makna berdasarkan pengamatan yang dilakukan.

Hal ini bukanlah satu perkara yang mudah bagi murid yang mempunyai masalah dalam kemahiran memahami bahan bacaan walaupun boleh membaca. Proses pemahaman yang berkesan adalah sangat penting dijalankan secara eksplisit dan terancang oleh guru untuk impak yang berkesan dalam prestasi pencapaian bahasa Melayu agar keberkesanannya jelas tergambar melalui ujian dan peperiksaan di peringkat sekolah. Satu cara para pendidik dapat membantu murid meningkatkan kefahaman bahan bacaan dengan memantau dan mengkaji pemahaman dalam bacaan atau dinamakan metapemahaman (Standiford, 1984). Selain itu, sejauh mana terdapatnya hubungan antara kefahaman bacaan juga perlu dilihat untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas. Keupayaan memproses kefahaman mungkin disebabkan para pelajar tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi tentang strategi membaca yang betul. Kemungkinan juga para pelajar ada yang mempunyai serba sedikit pengetahuan dan pengalaman berkaitan strategi bacaan tetapi tidak tahu cara mengaplikasikannya agar lebih efisien. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran menggunakan strategi kefahaman bacaan program NILAM ini ditambahkan pula dengan masalah pelajar yang tidak



mengetahui sama ada mereka faham atau tidak apa yang dibaca, atau tidak sedar dengan prestasi untuk memahaminya. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak tahu menilai sejauh mana mereka faham dan aspek yang penting ini dinamakan aspek pemantauan pemahaman. Aspek pemantauan pemahaman yang dilakukan semasa menjawab soalan juga perlu dikaji kaitannya dengan kejayaan kefahaman bacaan seseorang. Ini membolehkan para pendidik dapat kefahaman yang lebih tepat tentang peranan dan kaitan antara aspek kefahaman bacaan program NILAM dan prestasi pencapaian bahasa Melayu pelajar-pelajar.

Sekiranya para pelajar sedar proses berfikir yang dilakukan itu, iaitu seperti tujuan membaca, sejauh mana memahami petikan yang dibaca, bagaimana cara untuk mendapatkan isi penting, tahu cara memahami petikan; maka para pelajar itu dapat mengawal dan mengawasi pemahamannya dengan mengambil langkah mengatasi perkara-perkara yang menghalang kefahamannya dan seterusnya menjejaskan prestasi pencapaian bahasa Melayu. Justeru itu, peranan kemahiran berfikir atau dikenali sebagai metakognisi inilah juga sebut "*thinking about thinking*" oleh Flavell (1979). Pengetahuan cetek tentang teknik membaca yang berkesan dan langkah-langkah membaca secara kritikal dalam kalangan pelajar sekolah rendah adalah ketara dan ini menyebabkan kemahiran terhadap kefahaman bacaan dalam program NILAM tidak dapat diaplikasikan dan seterusnya boleh menjejaskan proses pembelajaran. Oleh itu, pembacaan adalah aktiviti yang amat penting dalam proses pembelajaran. Penekanan utama dalam proses kefahaman bacaan program NILAM sebagai suatu proses komunikasi ialah kefahaman yang mantap dan pelajar sebagai membaca mestilah menumpukan sepenuh perhatian



fikiran, pandangan, penglihatan, persepsi serta perasaannya terhadap apa yang dibaca agar benar-benar dapat memahami serta menjiwai maksud yang tersurat serta yang tersirat di dalamnya. Sehubungan itu, sebelum para pelajar didedahkan dengan pengajaran tentang kefahaman bacaan secara spesifik, satu kajian awal perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana kefahaman dan pengetahuan mereka dalam strategi bacaan dan dengan tahap kefahaman tersebut melihat pula sejauhmana prestasi pencapaian bahasa Melayu yang dapat ditunjukkan.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dibentuk untuk menjawab soalan-soalan yang dinyatakan seperti berikut:

1) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman bacaan dengan jantina?

2) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman bacaan dengan bangsa?

3) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman bacaan dengan skor ujian kefahaman?

4) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman bacaan dengan kefahaman bahasa?

5) Adakah terdapat kolerasi antara skor ujian pemahaman dengan prestasi pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu?

6) Adakah terdapat kolerasi antara kefahaman bacaan dengan prestasi pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu?





1.5 *Kepentingan Kajian*

Kepentingan kajian adalah untuk para pendidik yang berada dalam latihan perguruan akan menjadikan maklumat kajian ini satu bahan untuk difikirkan dan mencari kaedah pengajaran yang berkesan dan sesuai mengikut keperluan sistem pendidikan negara ini. Satu panduan, tumpuan dan perancangan yang lebih jelas perlu diadakan untuk meningkatkan kemahiran memahami bacaan, khususnya menggunakan petikan soalan pemahaman yang sesuai dan dapat menguji kecekapan dan strategi pemahaman bacaan yang berkesan amat penting dalam membawa kejayaan dalam program NILAM, pembelajaran, pencapaian keupayaan berfikir dan bertindak dan secara tidak langsung membantu dalam pencapaian akademik keseluruhan melalui minat membaca bagi seluruh pelajar. Kepentingan kajian ini lebih jelas jika dilihat dari aspek perancangan program NILAM terhadap kefahaman bacaan sebagai salah satu aktiviti ke arah pembentukan membina bangsa negara melalui bacaan dan pengetahuan seterusnya pencapaian markah yang terbaik dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan juga kepada mata pelajaran yang lain.

Secara lebih berfokus, kajian ini adalah satu aset yang memberikan gambaran bahawa program NILAM yang melibatkan bacaan dengan pelbagai pendekatan dan kaedah melalui gabungan aktiviti-aktiviti yang akhirnya bermatlamat menarik minat setiap pelajar untuk membaca. Sememangnya membaca itu adalah salah satu rangkaian yang menjadikan sesuatu bangsa itu berilmu dan maju ke hadapan. Kefahaman bacaan yang dikaji dikaitkan dengan prestasi pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu yang secara tidak langsung memberikan satu kepentingan yang spesifik akan keutamaan kajian



ini untuk memperbaiki mutu kefahaman bacaan sekali gus pencapaian bahasa Melayu yang melibatkan menjawab soalan petikan pemahaman dalam peperiksaan.

Kajian ini penting juga adalah untuk para guru, perancang kurikulum, bahagian latihan perguruan dan juga kepada pusat sumber pendidikan negeri, sebagai satu sumber rujukan untuk menyediakan satu garis panduan dan aktiviti-aktiviti pengisian, ke arah membentuk kecekapan mencatat maklumat yang telah dibaca berdasarkan kefahaman bahan bacaan, menggunakan keupayaan berfikir, dan kemahiran secara berdikari dalam kalangan murid. Kajian ini juga dapat memberikan penjelasan secara empirikal tentang peranan dan hubungan kefahaman bacaan program NILAM yang sering menjadi kekangan kepada para murid. Para pentadbir bahagian kurikulum juga boleh menggunakan maklumat ini untuk mencari aspek kefahaman bahan bacaan berdasarkan pelbagai pendekatan dan kaedah aktiviti yang sesuai untuk tahap, keperluan dan matlamat program NILAM.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini adalah satu kajian yang tertumpu kepada satu aspek dalam kefahaman bacaan program NILAM, iaitu kesedaran dan kebolehan membaca secara keseluruhan dan ia ditinjau mengikut pengakuan atau laporan pelajar itu sendiri. Aspek kefahaman bacaan program NILAM ini diukur dengan menggunakan satu cara sahaja, iaitu mengikut skala Indeks Kesedaran Bacaan yang dibina oleh Mc. Lain, Gridley dan McIntosh (1991). Selain itu, subjek kajian adalah terhad kepada 165 orang murid tahun 6 dari sebuah



sekolah yang dipilih oleh pengkaji. Penilaian dan penentuan prestasi kefahaman bacaan dalam program NILAM menggunakan bentuk ujian pemahaman secara subjektif. Sebanyak 10 petikan pemahaman yang melibatkan juga soalan pemahaman yang di pilih dan dibina berdasarkan tahap kefahaman sekolah rendah yang diselaraskan oleh Pusat Sumber Negeri (PSN) untuk meningkatkan program bacaan NILAM.

1.7 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang digunakan dalam laporan ini mempunyai makna yang khusus untuk kajian ini. Istilah-istilah tersebut adaah seperti berikut:

a) Indeks Kesedaran Bacaan

Indeks ini adaah satu pengukuran tahap kesedaran membaca bagi subjek kajian yang didapati melalui satu soalselidik yang terdiri daripada insturmen yang diubahsuai daripada McLain, Gridley dan McIntosh, (1991). Skor secara keseluruhan setiap subjek dalam skala ini menjadi indeks bacaan yang menunjukkan tahap kesedaran membaca mereka sama ada tinggi atau rendah.

b) Kefahaman Bacaan Program NILAM

Satu keadaan yang menunjukkan kefahaman bacaan pembaca tentang pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki semsa melakukan aktiviti membaca dan memahami petikan seperti dari segi tujuan bacaan, kehendak tugas, penggunaan strategi yang sesuai dan berkesan untuk menjawab soalan, dan menilai kelancaran dan kejayaan pemahaman.





c) Ujian Pemahaman

Merupakan satu ujian yang menjadi aktiviti memahami petikan bertulis yang mempunyai struktur dan gaya penulisan berbentuk memberi fakta-fakta serta huraian atau penerangan secara logik tentang satu tajuk yang dipilih.

d) Pencapaian Prestasi bahasa Melayu

Pencapaian murid dalam bahasa Melayu dibuat berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tahun bagi tahun lima dalam Sistem Analisis Peperiksaan di sekolah rendah masing-masing.

e) Pemantauan Pemahaman

Kebolehan dan keupayaan pelajar menentukan tahap pemahaman mereka semasa menjawab soalan. Mereka dikehendaki menentukan jawapan yang dipilih adalah diyakini betul atau kurang yakin ia betul. Pemantauan pemahaman adalah baik jika pilihan jawapan tepat dan diyakini betul atau pilihan jawapan difikirkan kurang tepat dan diyakini kurang betul. Pemantauan yang kurang baik ialah apabila terdapat percanggahan antara pemilihan jawapan dan keyakinan jawapan. Semakin tinggi pencapaian pemantauan pemahaman bermakna semakin baik prestasi pemantauan pemahaman yang dilakukan.

